



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

PERTEMUAN DENGAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO) #JUSTICEFORBELLA

Pada 9 September 2021 saya telah mengadakan pertemuan dengan Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan nasib kanak-kanak OKU Sindrom Down bernama Bella yang telah disyaki menjadi mangsa penderaan. Antara NGO yang terlibat dalam pertemuan tersebut adalah Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Persatuan Wanita Ikon Malaysia, Persatuan Helping Shoulder, Pertubuhan Anti Diskriminasi & Salah Laku serta Persatuan Pengguna Semboyan 1Malaysia.

Sebagai Menteri yang bertanggungjawab menjaga kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak serta Orang Kurang Upaya (OKU), **saya sentiasa mengikuti perkembangan kes adik Bella yang kini berada di bawah perlindungan, penjagaan dan pengawasan JKM. Alhamdulillah, berdasarkan pemantauan saya, adik Bella kini kembali ceria, dan menjalani kehidupan seperti kanak-kanak biasa.**

Saya berharap pertemuan ini, **menjadi satu platform bagi mendengar pandangan dan suara NGO-NGO berkenaan.** Wakil PDRM dan JKM juga telah menjelaskan intervensi yang telah dilaksanakan dalam mengendalikan kes ini. Menerusi pertemuan ini, saya berharap agar kes adik Bella dapat diadili mengikut lunas perundangan yang sedang berkuatkuasa.

Saya juga ingin mengulangi intervensi yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan

Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam kes ini selaras dengan Akta yang sedang berkuatkuasa seperti berikut:

- (i) **Menyelamatkan** kanak-kanak;
- (ii) **Menempatkan** kanak-kanak di Tempat Selamat;
- (iii) **Memberikan Perlindungan, Penjagaan dan Pemulihan** selaras dengan Akta Kanak-kanak 2001 dan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak;
- (iv) **Menyita** Pusat Jagaan;
- (v) **Membantu pihak berkuasa dalam penyediaan laporan** sosial kanak-kanak dan memberi keterangan yang diperlukan; dan
- (vi) **Memperkasa Garis Panduan Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS)** bersesuaian dengan Akta Kanak-kanak 2001.

Saya menyeru agar rakyat **Malaysia terus menanamkan rasa cintakan keluarga dan menghargai anak-anak terutamanya anak OKU sebagai suatu amanah dan anugerah** daripada Tuhan. Marilah kita mengambil peluang untuk mengukuhkan semangat agar sama-sama dapat berganding bahu membantu memperkasa dan meningkatkan kualiti hidup semua pihak dalam **Keluarga Malaysia**.

Saya memohon masyarakat awam untuk segera membuat laporan kepada pihak berkuasa **PDRM** ataupun **Talian Kasih 15999 dan Talian Whatsapp 019-26 15999 yang beroperasi 24 jam** apabila mengetahui atau mengesyaki apa-apa kes pengabaian dan penganiayaan kanak-kanak. Masyarakat awam juga boleh membuat laporan di **108 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD)** yang berdekatan di seluruh negara.

###

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
10 SEPTEMBER 2021

